

HUKUM KANUN PAHANG SEBAGAI *COUNTER-ARCHIVE*: ANALISIS DEKOLONIAL TERHADAP ARKIB KOLONIAL BRITISH

HUKUM KANUN PAHANG AS A COUNTER-ARCHIVE: A DECOLONIAL ANALYSIS OF BRITISH COLONIAL ARCHIVES

Azman Yusof¹, Ahmad Farid Abd Jalal², Ahnaf Wafi Alias³, Rahimin Affandi Abd Rahim⁴

¹Universiti Kuala Lumpur – Malaysian Institute of Chemical & Bioengineering Technology (UniKL MICET),
Bandar Vendor Taboh Naning, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia.

^{2,3,4}Perbadanan Muzium Negeri Pahang (Muzium Pahang)
Jalan Sultan Ahmad, Kampung Pancur, 26600 Pekan, Pahang Malaysia

Abstrak

Hukum Kanun Pahang (HKP) ialah kod undang-undang bertulis tertua kedua di Tanah Melayu selepas Hukum Kanun Melaka Ia disusun semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhiuddin Shah (1592-1614). Kajian ini menilai HKP sebagai sebuah counter-archive yang mencabar dominasi arkib kolonial British dalam pembentukan historiografi Pahang dan Tanah Melayu. Berasaskan kerangka teori kuasa-pengetahuan Foucault, teori arkib kolonial Stoler, orientalisme Said dan epistemic injustice Fricker, kajian ini menunjukkan bahawa pengabaian terhadap HKP dalam sumber kolonial bukanlah kecuaihan, tetapi strategi epistemik yang terancang untuk mengekalkan hegemoni imperial. Melalui analisis hermeneutik, analisis teks hukum, pembacaan against the grain dan triangulasi antara manuskrip tempatan serta dokumen kolonial, kajian ini mendapati HKP membuktikan kewujudan sistem undang-undang bertulis, struktur governan, ekonomi maritim, etika sosial dan epistemologi Melayu-Islam yang matang sebelum kedatangan British. HKP mengungkapkan memori sejarah yang dipadamkan kolonial termasuk hukum syariah-adat, jaringan perdagangan Sungai Pahang, institusi ulama, dan nilai politik Islam sekali gus memposisikan HKP sebagai dokumen dekolonial yang memulihkan naratif, identiti dan agensi intelektual masyarakat Melayu-Pahang. Kajian ini menegaskan keperluan menulis semula historiografi Pahang melalui sumber tempatan serta mengarusperdanakan HKP dalam penyelidikan undang-undang, sejarah dan governan Melayu-Islam.

Kata Kunci: *Hukum Kanun Pahang; arkib kolonial; counter-archive; dekolonial; sejarah Pahang*

Abstract

This study examines the Hukum Kanun Pahang (HKP) as a counter-archive that challenges the dominance of British colonial archives in shaping the

Perkembangan Artikel

Diterima: 27 Februari 2026

Disemak: 7 April 2026

Diterbit: 30 April 2026

*Corresponding Author:

Azman Yusof, Universiti Kuala Lumpur – Malaysian Institute of Chemical & Bioengineering Technology (UniKL MICET), Alor Gajah, Melaka.

Email:

azmanyusof@unikl.edu.my

historiography of Pahang and the Malay world. Drawing on Foucault's theory of power-knowledge, Stoler's colonial archival theory, Said's Orientalism, and Fricker's epistemic injustice, this research argues that the marginalisation of HKP in colonial records was not accidental, but a deliberate epistemic strategy to maintain imperial hegemony. Through legal-hermeneutic analysis, textual interpretation, against-the-grain archival reading, and triangulation of local manuscripts with colonial documents, the study demonstrates that HKP reveals a sophisticated pre-colonial system of written law, political governance, maritime economy, social ethics, and Malay-Islamic epistemology. HKP recovers historical memories erased by colonial archives including syariah-adat jurisprudence, the Pahang River trading network, ulama institutions, and Islamic political ethics positioning HKP as a decolonial document that restores the narrative, identity, and intellectual agency of the Malay-Pahang society. The study concludes that Pahang's history must be reconstructed through local sources and that HKP should be mainstreamed in the study of Malay law, historiography, and Islamic governance.

Keywords: *Hukum Kanun Pahang*; colonial archives; counter-archive; decolonial; Pahang history.

PENDAHULUAN

Kajian menunjukkan bahawa arkib kolonial British dan sumber sejarah tempatan di Tanah Melayu mengalami ketegangan epistemologi berpanjangan. Pentadbiran kolonial abad ke-19 tidak hanya menjajah wilayah dan ekonomi, tetapi juga menguasai penulisan, penyimpanan dan pewarisan sejarah melalui arkib yang selektif dan berorientasikan kuasa. Arkib ini berfungsi sebagai alat pengetahuan untuk mengukuhkan hegemoni imperial dan memaparkan masyarakat jajahan melalui lensa orientalis. Akibatnya, dokumen penting seperti Hukum Kanun Pahang yang mengandungi bukti ketamadunan Melayu-Islam, terpinggir daripada wacana sejarah rasmi.

Arkib kolonial British termasuk laporan residen, rekod pentadbiran, dan kajian etnografi sengaja membina naratif diskriminatif yang menggambarkan masyarakat Melayu sebagai tidak teratur dan tidak bertamadun, sambil menafikan kewujudan sistem perundangan tempatan (Linehan, 1936; Wilkinson, 1908). Naratif ini membentuk apa yang Foucault (1977) namakan sebagai tatacara kebenaran, iaitu sistem pengetahuan yang menentukan kesahihan sesuatu kebenaran dalam masyarakat. Arkib berfungsi untuk mengesahkan hierarki kuasa dengan memposisikan penjajah sebagai lambang ketertiban dan keilmuan, pentadbiran, dan ketamadunan.

Namun wacana ini tidak menggambarkan realiti sejarah sepenuhnya. HKP yang disusun pada zaman Sultan Abdul Ghafur Muhiyyuddin Shah (1600–1614) merupakan sebuah kod undang-undang yang lengkap, mengandungi 93 fasal meliputi bidang jenayah, muamalat, kekeluargaan, pentadbiran, perundangan maritim, cukai, adat istiadat, politik dan etika sosial. Sumber ini menunjukkan bahawa Pahang merupakan sebuah *Dar al-Islam* yang memiliki struktur governan, ekonomi maritim dan sistem sosial yang tersusun. Meskipun begitu, HKP tidak diakui dalam arkib kolonial British sebagai sumber rujukan utama, malah ia dikesampingkan daripada wacana sejarah formal. Hal ini menimbulkan persoalan: apakah faktor epistemologi yang menyebabkan HKP dipinggirkan, dan bagaimana HKP dapat berfungsi sebagai counter-archive untuk mencabar dominasi sejarah kolonial?

Stoler (2009; 2010) menegaskan bahawa arkib kolonial mesti dibaca sebagai tapak kuasa, bukan sebagai repositori fakta sejarah yang neutral. Arkib kolonial membentuk apa yang boleh disebut sebagai *silences*; ruang kosong yang sengaja dicipta melalui proses pemilihan, penyingkiran dan pemadaman maklumat. Dalam konteks Tanah Melayu, *silence* ini termasuklah pengabaian terhadap manuskrip hukum Melayu, adat istiadat, perkembangan syariah, ekonomi maritim, dan sistem sosial sebelum kolonial. Naratif sejarah yang dihasilkan arkib kolonial akhirnya menggambarkan masyarakat Melayu sebagai lemah, tidak berorganisasi dan terkebelakang secara intelektual (Alatas, 1977). Sedangkan, manuskrip seperti HKP membuktikan sebaliknya; bahawa masyarakat Melayu Pahang memiliki tradisi hukum bertulis, sifat kenegaraan, etika sosial yang matang dan peranan penting dalam jaringan perdagangan Nusantara (Hooker, 1986; Nordin Hussin, 2007).

Dalam ruang epistemologi ini, HKP berfungsi sebagai counter-archive iaitu dokumen yang mencabar dominasi arkib kolonial dengan memperlihatkan naratif alternatif yang berakar daripada tradisi tempatan. Konsep counter-archive yang diperkenalkan oleh Stoler (2010) merujuk kepada dokumen atau memori yang mengungkap sejarah yang dipadamkan oleh arkib kolonial dan yang berupaya mengembalikan agensi masyarakat tempatan dalam penulisan sejarah. Counter-archive berfungsi untuk menolak representasi kolonial, memulihkan memori yang hilang, dan menstrukturkan semula identiti bangsa melalui sumber tradisi sendiri. Dalam kerangka ini, HKP menampilkan sejarah alternatif tentang Pahang sebagai sebuah negara-bandar maritim dengan sistem hukum syariah yang berfungsi sebagai naratif yang langsung bertentangan dengan gambaran kolonial.

Masalah utama yang dibahasakan dalam artikel ini adalah ketidakadilan epistemik (Fricker, 2007) terhadap HKP dalam wacana sejarah moden. Ketidakadilan epistemik berlaku apabila pengetahuan atau suara sesuatu kelompok disenyapkan, ditolak atau dianaktirikan kerana kuasa epistemik terletak pada pihak yang dominan. Dalam kes Pahang, arkib kolonial menjadi rujukan primer dalam penulisan sejarah, manakala sumber hukum seperti HKP dipinggirkan dan tidak digunakan dalam analisis pentadbiran, ekonomi atau perundangan. Hal ini menyebabkan sejarah Pahang dibina berdasarkan dokumen penjajah, bukan berdasarkan manuskrip yang dihasilkan oleh masyarakat tempatan sendiri.

OBJEKTIF

Artikel ini menjawab persoalan bagaimana HKP berfungsi sebagai khazanah lawan dalam kerangka dekolonial serta mencabar hegemoni arkib kolonial British. Di samping itu, artikel ini menganalisis cara HKP membongkar pemadaman sejarah berkaitan tamadun maritim Pahang, sistem syariah, hierarki governan, dan etika sosial Melayu-Islam. Dengan mengaplikasikan pendekatan analisis teks, teori kuasa-pengetahuan Foucault (1977), teori arkib kolonial Stoler (2010), dan teori *epistemic injustice* Fricker (2007), artikel ini memeriksa secara mendalam bagaimana HKP mengemukakan naratif alternatif yang memulihkan memori sejarah Pahang sebelum kedatangan kolonial.

Artikel ini memberikan tiga sumbangan utama kepada ilmu. *Pertama*, ia memberikan pembacaan semula terhadap HKP sebagai dokumen sejarah negara-bangsa Pahang yang diabaikan. *Kedua*, ia mengemukakan kerangka dekolonial untuk menilai manuskrip hukum Melayu-Islam sebagai counter-archives yang sah. *Ketiga*, ia mencadangkan agenda penyelidikan baharu terhadap sumber

hukum tradisional Melayu sebagai mekanisme menulis semula sejarah Melayu-Islam secara lebih adil dan tidak bergantung sepenuhnya kepada arkib kolonial British. Seterusnya, artikel ini menyumbang kepada wacana lebih luas mengenai dekolonisasi pengetahuan, pembinaan identiti kebangsaan dan penstrukturan semula historiografi Nusantara melalui sumber-sumber tempatan.

KERANGKA TEORI

Kerangka teori artikel ini berasaskan empat asas intelektual utama yang saling melengkapi:

- Teori Kuasa–Pengetahuan (Foucault, 1977)
- Teori Arkib Kolonial dan *Counter-Archive* (Stoler, 2002; 2009; 2010)
- Teori *Orientalisme* (Said, 1978)
- Teori *Epistemic Injustice* (Fricker, 2007)

Keempat-empat kerangka ini menyediakan asas konseptual untuk menilai bagaimana arkib kolonial British membentuk pemahaman tentang masyarakat Melayu, sekaligus menjelaskan kedudukan HKP sebagai dokumen tandingan (*counter-archive*) yang mencabar hegemoni tersebut.

1. Teori Kuasa–Pengetahuan Michel Foucault

Foucault (1977) menegaskan bahawa kuasa dan pengetahuan saling membentuk dan mengukuhkan antara satu sama lain. Pengetahuan bukanlah fakta yang neutral, tetapi produk struktur kuasa yang menentukan apa yang dianggap benar dan sah dalam masyarakat. Oleh itu, arkib; termasuk arkib kolonial bukan sekadar repositori maklumat, tetapi ruang politik yang direka untuk menghasilkan "kebenaran" tertentu mengenai masyarakat yang diperintah. Dalam konteks Tanah Melayu, teori ini menjelaskan bagaimana British membentuk gambaran masyarakat Melayu melalui proses rekod, penyaringan, dan pentafsiran yang selektif. Apa yang direkodkan oleh penjajah tentang undang-undang atau pentadbiran tempatan merupakan cerminan kuasa mereka, bukan cerminan realiti sejarah sebenar.

Arkib sebagai *Apparatus of Power*

Berdasarkan *Discipline and Punish* Foucault, arkib seperti sekolah dan hospital adalah "*apparatus of power*" (peranti kuasa) yang akan membentuk cara masyarakat difahami. Arkib tidak neutral; ia adalah medan kuasa yang menentukan apa yang direkod, dilupakan, dan bagaimana sesuatu masyarakat diwakili. Dari sudut ini, arkib kolonial British merupakan mekanisme kuasa untuk mengawal naratif Tanah Melayu. Kuasa penjajah memilih bahan untuk dipelihara dan menyingkir yang dianggap mengancam, sekaligus membentuk kategori sosial seperti "Melayu" dan "adat" sebagai konstruk untuk melegitimasi pemerintahan mereka.

Arkib ini menapis maklumat untuk mencipta representasi tertentu: elemen yang menunjukkan keteraturan dan keupayaan masyarakat Melayu diketepikan, manakala naratif yang menggambarkan kelemahan dan keperluan kepada bimbingan kolonial ditekankan. Ini mengukuhkan hierarki epistemik yang memposisikan penjajah sebagai subjek yang mengetahui dan masyarakat tempatan sebagai objek yang diketahui.

Oleh itu, arkib kolonial adalah instrumen politik yang secara aktif menghasilkan subjek kolonial; gambaran "Melayu" yang sesuai dengan agenda imperial. Proses pemilihan, penafsiran, dan penyenyapan maklumat inilah yang menyebabkan sumber seperti HKP terpinggir, bagi mengekalkan naratif kolonial tentang ketidakteraturan masyarakat tempatan.

Pengetahuan Kolonial sebagai *Regime of Truth*

Foucault menjelaskan bahawa setiap masyarakat mempunyai *regime of truth* (sistem kebenaran) yang menentukan apa yang dianggap sah dan benar. Dalam penjajahan, kebenaran mengenai masyarakat terjajah ditentukan sepenuhnya oleh penjajah melalui arkib, laporan, dan wacana rasmi. Kolonialisme bukan hanya menakluk tanah, tetapi juga menakluk makna. Dalam konteks Tanah Melayu, *regime of truth* kolonial membentuk naratif yang menggambarkan masyarakat Melayu sebagai tidak bertamadun, tiada undang-undang tersusun, tidak berstruktur, dan bergantung kepada bimbingan British. Naratif ini diulang dan dilegitimasi oleh institusi penjajah sehingga kelihatan tidak boleh dipersoalkan.

Namun, kestabilan naratif ini bergantung pada penyenyapan sumber tempatan. Manuskrip undang-undang seperti HKP dengan sengaja tidak diberi tempat dalam rekod kolonial kerana ia akan meruntuhkan justifikasi penjajahan bahawa British membawa *rule of law*. HKP berfungsi sebagai bukti penentangan yang mencabar *regime of truth* kolonial. Kewujudannya membuktikan masyarakat Melayu-Pahang telah memiliki sistem perundangan, pentadbiran, dan jaringan perdagangan yang kompleks jauh sebelum kedatangan British.

Oleh itu, teori Foucault membantu kita memahami bahawa naratif kolonial adalah bingkai pengetahuan yang dibina untuk mengukuhkan hegemoni. Penolakan terhadap HKP adalah strategi untuk mengekalkan naratif tersebut. Dengan mendedahkan realiti alternatif, HKP mengakibatkan keretakan dalam *regime of truth* kolonial, membuktikan kebenaran penjajah bukanlah kebenaran sejarah mutlak.

Aplikasi Teori terhadap HKP

Berdasarkan kerangka Foucault, pengabaian HKP oleh arkib kolonial adalah strategi kuasa yang disengajakan, bukan kecuaihan. Arkib kolonial memilih maklumat yang menyokong naratif mereka dan menyingkirkan sumber tempatan seperti HKP yang mencabar gambaran masyarakat Melayu sebagai tidak bertamadun.

Melalui konsep *regime of truth*, British mendefinisikan apa yang dianggap sebagai undang-undang bertamadun, dan undang-undang Melayu sengaja dikecualikan. HKP tidak dimasukkan ke dalam arkib kerana kewujudannya yang sistematik; merangkumi kuasa raja, pentadbiran, maritim, dan keadilan sosial akan meruntuhkan naratif kolonial bahawa mereka yang memperkenalkan *rule of law*.

Dari perspektif Foucault, peminggiran HKP menunjukkan bagaimana kolonialisme memadamkan kemungkinan epistemologi dengan menstrukturkan sejarah melalui pemilihan dan penyingkiran maklumat. Apabila HKP dibawa kembali ke dalam wacana akademik, ia berfungsi sebagai reaksi balas epistemik yang membuka ruang untuk membaca semula sejarah Pahang melalui tradisi ilmu tempatan. Kesimpulannya, teori Foucault mendedahkan bahawa:

- Kesenyapan terhadap HKP adalah penindasan epistemik.
- Kolonialisme mengawal historiografi melalui kawalan naratif, bukan fakta.
- HKP berfungsi sebagai alat *reconceptualisation* untuk menolak hegemoni kolonial dalam penulisan sejarah.

Oleh itu, HKP bukan sekadar teks sejarah, tetapi akta penentangan terhadap kuasa kolonial yang cuba mendefinisikan identiti Melayu dari luar.

2. Teori Arkib Kolonial Stoler

Teori arkib kolonial Ann Laura Stoler (2002; 2009; 2010) menekankan bahawa arkib bukanlah repositori data yang neutral, tetapi tapak politik yang aktif menghasilkan makna, identiti dan hierarki kuasa untuk mentadbir jajahan. Stoler mencadangkan pembacaan *along the archival grain* (meneliti arkib bukan sekadar untuk mencari fakta sejarah, tetapi untuk memahami bagaimana kuasa kolonial berfikir, mengklasifikasi, dan mentadbir) dengan memperhatikan bukan hanya apa yang direkod, tetapi apa yang diabaikan, disenyapkan atau dipadamkan. Ketiadaan suatu rekod (seperti HKP) bukan kebetulan, tetapi penghapusan sistematik pengetahuan tempatan yang mengancam naratif kolonial. Beliau memperkenalkan konsep *counter-archive* sumber alternatif (seperti manuskrip, tradisi lisan) yang wujud di luar arkib rasmi dan berupaya memulihkan memori yang hilang serta menentang naratif dominan.

HKP adalah contoh sempurna *counter-archive*. Kandungannya yang sistematik mengenai hukum, pentadbiran dan maritim secara langsung mencabar naratif kolonial bahawa masyarakat Melayu tidak mempunyai perundangan atau governan tersusun. Ia memulihkan realiti negara-bangsa Melayu yang mandiri. Teori Stoler memberikan tiga implikasi penting:

- HKP mendedahkan kelemahan arkib kolonial yang gagal merakam realiti tempatan yang bercanggah.
- Peminggiran HKP adalah tindakan politik, bukan intelektual.
- HKP berfungsi sebagai naratif alternatif yang menuntut pembacaan semula sejarah berdasarkan sumber tempatan.

Oleh itu, HKP memiliki nilai politik dekolonial: ia bukan sekadar teks sejarah, tetapi alat untuk mendekolonisasi arkib dan pengetahuan dengan memulihkan suara dan agensi masyarakat Melayu.

3. Teori *Orientalisme Edward Said*

Melalui karya *Orientalism* (1978), Edward Said menunjukkan bahawa kolonialisme beroperasi melalui penaklukan intelektual. Orientalisme ialah sistem wacana yang membina imej Timur sebagai pasif, tidak rasional, dan tidak bertamadun, sementara Barat digambarkan sebagai rasional dan progresif. Gambaran dikotomi ini berfungsi sebagai mekanisme ideologi untuk mewajarkan penjajahan. Dalam konteks Tanah Melayu, tulisan pegawai dan orientalis seperti Clifford dan Swettenham menggambarkan masyarakat Melayu sebagai *lemah, tidak tersusun, dan tidak mempunyai undang-undang yang sempurna*. Adat dan sistem perundangan tempatan dianggap tidak rasional atau kabur.

Melalui lensa orientalis, manuskrip undang-undang Melayu seperti HKP *tidak diakui sebagai sistem perundangan yang sah*, tetapi dilihat sebagai artefak eksotik yang tidak relevan. Ini menjelaskan mengapa HKP *tidak diberi tempat dalam arkib kolonial*, walaupun kandungannya lengkap dan kompleks. Dengan kerangka Said, peminggiran HKP adalah sebahagian daripada usaha *menghasilkan imej Melayu tanpa hukum bertamadun*. Sebaliknya, HKP berfungsi sebagai *bukti penolakan* terhadap stereotaip tersebut, kerana ia menunjukkan masyarakat Melayu-Pahang memiliki:

- Konsep keadilan dan prosedur kehakiman,
- Sistem pentadbiran dan hierarki,
- Undang-undang komersial dan maritim,
- Prinsip moral berasaskan Islam,
- Integrasi adat, *fiqh* dan *siyasah*.

Oleh itu, teori Said membantu kita memahami bahawa peminggiran HKP adalah *strategi diskursif penjajahan*. Pembacaan deorientalisasi terhadap HKP *memulihkan martabat epistemologi* Melayu dan menolak naratif kolonial yang mendominasi.

4. Teori *Epistemic Injustice Miranda Fricker*

Menurut Miranda Fricker (2007), *ketidakadilan epistemic (epistemic injustice)* berlaku apabila komuniti dipinggirkan sebagai sumber pengetahuan sah akibat struktur kuasa yang tidak seimbang. Teori ini membantu memahami peminggiran tradisi undang-undang Melayu seperti Hukum Kanun Pahang (HKP) dalam sejarah. Fricker mengenal pasti dua bentuk utama:

(a) *Ketidakadilan Testimonial*: Suara atau pengetahuan seseorang tidak dipercayai kerana identitinya. Dalam konteks kolonial, penulisan pegawai British diterima sebagai autoritatif, sementara *manuskrip Melayu seperti HKP dianggap tidak kredibel*, walaupun kandungannya lebih lengkap.

(b) *Ketidakadilan Hermeneutikal*: Masyarakat tidak mempunyai kerangka untuk memahami pengalaman atau pengetahuan kelompok tertindas. Penjajah mentafsirkan Tanah Melayu melalui lensa sistem Eropah, menyebabkan *hukum Melayu berasaskan syariah dan adat tidak difahami* dan HKP dilihat sebagai tidak sistematik atau tidak relevan.

Melalui kerangka ini, peminggiran HKP dilihat sebagai *ketidakadilan epistemic berlapis*: penolakan kredibiliti (testimonial) digabungkan dengan ketiadaan kerangka pemahaman (*hermeneutical*), menyebabkan HKP dibaca hanya sebagai teks budaya, bukan dokumen kenegaraan. Namun, HKP juga berfungsi sebagai mekanisme pemulihan epistemic dengan membuktikan:

- Kewujudan sistem undang-undang bertulis yang lengkap.

- Struktur pentadbiran dan ekonomi maritim yang tersusun.
- Integrasi adat dan syariah dalam kerangka rasional.
- Asas negara-bangsa yang mandiri sebelum penjajahan.

Oleh itu, teori Fricker menyediakan asas untuk memulihkan kedudukan HKP dalam historiografi Malaysia, bukan sekadar sebagai teks sejarah, tetapi sebagai pemulih martabat epistemologi Melayu yang lama dinafikan.

METODOLOGI

Bahagian metodologi ini menghuraikan pendekatan penyelidikan yang digunakan untuk menilai Hukum Kanun Pahang (HKP) sebagai *counter-archive* dalam kerangka dekolonial. Kajian ini menggabungkan reka bentuk analisis kualitatif interpretatif, pembacaan arkib kolonial secara kritikal, analisis hermeneutik teks hukum Melayu-Islam, serta triangulasi antara manuskrip tempatan dan dokumen kolonial. Pendekatan ini dipilih bagi memastikan analisis dijalankan secara sistematik, kritikal, dan sejajar dengan piawaian penyelidikan pascakolonial, seperti yang disarankan oleh Foucault (1977), Said (1978) dan Stoler (2009).

Selaras dengan pendekatan genealogikal Foucault (1977), reka bentuk kajian meneliti bagaimana kuasa kolonial membentuk naratif sejarah melalui arkib. Pendekatan ini juga mengikuti cadangan Stoler (2009) yang menekankan kepentingan membaca arkib *along the archival grain* untuk mengenal pasti bias, pepadaman dan ketidakseimbangan epistemik.

Bagi sumber data penyelidikan, Kajian ini menggunakan tiga kelompok data utama. *Pertama*, sumber tempatan merangkumi transliterasi HKP (manuskrip Muzium Negeri Pahang dan varian lain). Kajian turut melakukan perbandingan dengan Undang-Undang Melaka, Undang-Undang Laut Melaka, Hukum Kanun Kedah dan Undang-Undang Perak untuk memahami integrasi syariah Shāfi'ī dan adat Melayu. Rekod feudal, salasilah, syarah hukum, serta kronik tempatan turut disemak bagi membina naratif konteks sejarah.

Kedua, Sumber Primer Kolonial yang terdiri daripada laporan Residen British (1870–1930), *A History of Pahang* oleh Linehan (1936), laporan pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, serta etnografi oleh Clifford, Maxwell, Wilkinson, Radcliffe-Brown dan Skeat. Sumber-sumber ini dipilih kerana ia membentuk naratif utama mengenai sejarah, adat dan undang-undang Melayu dalam arkib kolonial.

Ketiga, Sumber Sekunder Akademik merangkumi kajian undang-undang Melayu (Hooker, 1986; Ibrahim, 1992), sejarah maritim (Hussin, 2007), teori orientalisme (Said, 1978), teori arkib (Stoler, 2002; 2009; 2010), teori kuasa-pengetahuan (Foucault, 1977), dan teori *epistemic injustice* (Fricker, 2007). Kesemua sumber ini digunakan secara triangulatif untuk mengukuhkan analisis.

Analisis data dalam kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan hermeneutik hukum dan analisis tematik sejarah terhadap manuskrip Hukum Kanun Pahang (HKP), disokong oleh pembacaan kritikal arkib kolonial. Pendekatan ini membolehkan penafsiran mendalam terhadap struktur hukum Melayu pra-kolonial sambil mengenal pasti pepadaman pengetahuan yang berlaku dalam arkib British.

Analisis dimulakan dengan pembacaan fasal secara berstruktur, di mana setiap fasal HKP dikodkan ke dalam lima kluster utama: hukum jenayah, muamalat, hukum keluarga, siyasa dan pentadbiran, serta peraturan maritim dan ekonomi. Kluster ini membantu mengorganisasi kandungan HKP secara sistematik, sekaligus memudahkan pencarian pola hubungan antara hukum, kuasa dan struktur sosial dalam teks.

Seterusnya, analisis meneliti tema-tema *counter-archive* iaitu tema yang secara langsung bercanggah dengan naratif kolonial. Melalui pendekatan ini, HKP diteliti untuk melihat bagaimana teks tersebut membuktikan kewujudan undang-undang bertulis, sistem negara-bangsa yang berfungsi, ekonomi maritim yang aktif, etika sosial berteraskan Islam, serta hierarki pentadbiran yang tersusun. Tema ini menjadi asas penting untuk menunjukkan bahawa HKP mengandungi memori ketamadunan Melayu yang dipadamkan oleh arkib kolonial.

Proses analisis turut melibatkan pembacaan intertekstual antara HKP dan beberapa digest hukum Melayu lain seperti Undang-Undang Melaka, Undang-Undang Laut Melaka, Hukum Kanun Kedah dan Undang-Undang Perak. Perbandingan ini bertujuan mengenal pasti kesinambungan unsur syariah dan adat dalam tradisi hukum Melayu, serta menegaskan kedudukan HKP sebagai sebahagian daripada korpus hukum Islam-Melayu yang lebih luas.

Dalam usaha mengungkapkannya pemadaman epistemik kolonial, pendekatan hermeneutik dekolonial digunakan berasaskan teori Stoler (2009) dan Fricker (2007). Pendekatan ini menilai bagaimana kolonialisme menghapuskan atau meminggirkan memori hukum, sosial dan maritim Melayu, dan bagaimana HKP sebagai manuskrip tempatan memulihkan kembali memori yang hilang itu. Dengan kata lain, HKP dibaca sebagai *counter-archive* yang menolak hegemoni pengetahuan kolonial.

Analisis data juga diperluaskan kepada pembacaan arkib kolonial bagi memahami pertentangan antara naratif kolonial dan kandungan HKP. Dalam proses ini, dokumen seperti laporan Residen British, memo pentadbiran dan etnografi kolonial dianalisis untuk meneliti bagaimana British menggambarkan masyarakat Melayu sebagai mundur, tidak mempunyai undang-undang bertulis, lemah dalam pentadbiran, serta memerlukan pemerintahan kolonial.

Pendekatan ini dilengkapi dengan kaedah membaca arkib *along the archival grain* (Stoler, 2009). Melalui pembacaan kritikal ini, analisis memberi perhatian kepada bias dalam laporan kolonial, pemilihan maklumat, kegagalan rekod, strategi pentadbiran, serta aspek-aspek penting yang sengaja tidak direkodkan. Pendekatan ini membolehkan penyelidik melihat bukan sahaja apa yang dicatatkan, tetapi juga apa yang disembunyikan suatu langkah penting dalam penyelidikan dekolonial.

Akhir sekali, analisis merangkumi pemetaan pemadaman arkib (*archival erasures mapping*), iaitu usaha memetakan aspek sejarah Melayu-Pahang yang dipadamkan dalam rekod kolonial. Antara aspek yang dikenal pasti hilang atau disenyapkan termasuklah peranan undang-undang syariah, jaringan perdagangan Sungai Pahang, sistem siyasa dan pentadbiran, pemikiran fiqh dan keilmuan ulama tempatan, serta struktur politik sebelum campur tangan British. Pemetaan ini mengukuhkan lagi kedudukan HKP sebagai sumber yang mengembalikan memori yang hilang akibat proses kolonialisasi arkib.

Secara keseluruhan, kaedah analisis data ini membina suatu mekanisme penafsiran yang menyeluruh menggabungkan hermeneutik teks, analisis arkib dan pembacaan dekolonial untuk menegaskan peranan HKP sebagai *counter-archive* yang mencabar dan membetulkan naratif kolonial mengenai sejarah Pahang dan sistem hukum Melayu.

HUKUM KANUN PAHANG SEBAGAI *COUNTER-ARCHIVE*

Bahagian ini memperincikan bagaimana Hukum Kanun Pahang (HKP) berfungsi sebagai sebuah *counter-archive* yang mencabar, membetulkan dan merombak naratif kolonial British mengenai masyarakat Melayu-Pahang. Melalui pendekatan analisis dekolonial, HKP dibaca bukan sekadar sebagai teks undang-undang, tetapi sebagai dokumen sejarah yang memaparkan memori ketamadunan yang dipadamkan dalam arkib kolonial. Analisis ini dibahagikan kepada lima dimensi utama; hukum dan perundangan, struktur politik dan institusi, ekonomi dan maritim, sosial dan etika, serta epistemologi dan identity yang masing-masing menunjukkan sisi sejarah Melayu-Pahang yang tidak diendahkan oleh kolonial.

Dalam setiap dimensi ini, HKP berfungsi untuk membongkar ruang kosong (*archival silences*) dalam rekod British. Ia menampilkan sistem hukum yang lengkap, pentadbiran yang tersusun, jaringan perdagangan maritim yang aktif, etika sosial yang kompleks, dan epistemologi Islam-Melayu yang matang yang kesemuanya bercanggah dengan gambaran kolonial bahawa masyarakat Melayu adalah mundur, tidak bertamadun atau tanpa undang-undang bertulis. Dengan itu, HKP muncul sebagai dokumen dekolonial yang menuntut penulisan semula sejarah Pahang dan menolak hegemoni arkib kolonial.

HKP sebagai *Counter-Archive* Lapisan Hukum

Dimensi pertama analisis memfokuskan kepada unsur perundangan HKP. Tradisi kolonial sering menggambarkan bahawa masyarakat Melayu tidak mempunyai sistem hukum bertulis, dan oleh itu British memperkenalkan “rule of law” sebagai satu bentuk modenisasi. Namun, kajian terhadap HKP menunjukkan sebaliknya: masyarakat Melayu-Pahang mempunyai sistem hukum yang tersusun, bertulis, dan berfungsi sebelum campur tangan kolonial. Dimensi ini membuktikan bahawa HKP menolak naratif kolonial, dan dengan itu menjadi *counter-archive* dalam lapisan hukum.

Naratif kolonial: Melayu tidak mempunyai undang-undang bertulis

Arkib kolonial mengulangi dakwaan bahawa masyarakat Melayu tidak memiliki undang-undang bertulis dan hanya bergantung pada adat lisan. Dakwaan ini muncul dalam tulisan Wilkinson (1908) yang menyatakan bahawa *the Malays had no systematic legal codes*, sementara Maxwell (1884) pula menggambarkan undang-undang Melayu sebagai *an unstructured body of customs*. Naratif seperti ini membina gambaran bahawa masyarakat Melayu tidak mampu mengembangkan sistem perundangan yang rasional, moden atau teratur.

Namun demikian, naratif ini tidak neutral; ia dibentuk oleh keperluan politik kolonial untuk menggambarkan Tanah Melayu sebagai wilayah yang memerlukan bimbingan British. Dengan menafikan kewujudan undang-undang bertulis Melayu, kolonial mewajarkan pengenalan sistem hukum British serta mempertahankan keabsahan mereka sebagai pembawa ketamadunan. Dalam kerangka kuasa pengetahuan Foucault (1977), ini merupakan strategi epistemik untuk menetapkan *regime of*

truth kolonial mengenai sistem hukum Melayu.

HKP secara langsung mencabar naratif ini. Sebagai teks hukum bertulis yang mengandungi fasal jenayah, muamalat, kekeluargaan, siyasa dan undang-undang maritim, HKP membuktikan bahawa masyarakat Melayu-Pahang telah memiliki satu sistem hukum codified yang lengkap, berstruktur dan berakar dalam tradisi fiqh Shāfi'ī. Keberadaan HKP menunjukkan bahawa dakwaan kolonial bukanlah kesilapan sejarah, tetapi satu strategi ideologi yang sengaja memadamkan sistem hukum tempatan agar dominasi kolonial dapat dinormalisasikan.

Oleh itu, HKP berfungsi sebagai *counter-archive* pada lapisan hukum kerana ia mengembalikan memori undang-undang Melayu yang dipadamkan dari arkib kolonial, sekaligus menolak dakwaan bahawa pentadbiran hukum Melayu tidak wujud atau tidak berfungsi. Dalam naratif kolonial, ketiadaan undang-undang ini dijadikan alasan untuk mencampuri urusan politik Melayu; namun melalui HKP, jelaslah bahawa masyarakat Melayu-Pahang telah memiliki sistem hukum yang matang jauh sebelum campur tangan British.

Kandungan HKP Membuktikan Sistem Hukum Bertulis

Berlawanan dengan dakwaan kolonial bahawa masyarakat Melayu bergantung sepenuhnya pada adat lisan, kandungan Hukum Kanun Pahang (HKP) menunjukkan kewujudan sebuah sistem hukum bertulis yang jelas, berstruktur dan berfungsi. HKP mengandungi fasal-fasal yang disusun secara sistematik, merangkumi aspek jenayah, muamalat, perundangan keluarga, struktur pentadbiran, siyasa, serta peraturan maritim dan ekonomi. Struktur teratur ini membuktikan bahawa undang-undang Melayu tidak bersifat fragmentari seperti yang digambarkan oleh Maxwell (1884) dan Wilkinson (1908), tetapi merupakan suatu *legal corpus* yang tersusun dalam bentuk kodifikasi.

HKP turut menunjukkan integrasi mendalam antara *fiqh Shāfi'ī*, adat Melayu dan prinsip siyasa Islam. Misalnya, fasal-fasal berkaitan hutang, amanah, kesalahan jenayah, dan peraturan kehakiman menunjukkan rujukan jelas kepada prinsip *qāḍī* dan rakyat yang berakar pada tradisi hukum Islam. Pada masa yang sama, HKP mengekalkan unsur adat tempatan, seperti struktur hubungan antara raja, bendahara dan pembesar. Gabungan Syariah dan adat ini menggambarkan suatu bentuk *legal hybridity* yang matang, menunjukkan bahawa masyarakat Melayu bukan sahaja mengekalkan tradisi Islam tetapi juga menyesuaikan dalam konteks sosial Pahang.

Selain itu, penstrukturkan HKP dalam bentuk fasal menandakan tahap pemikiran legalistik yang cukup tinggi. Kodifikasi sebegini menuntut kemampuan pentadbiran, keilmuan dan institusi yang teratur iaitu imperatif yang tidak mungkin wujud tanpa kewujudan institusi kehakiman dan birokrasi hukum yang stabil. Ini melemahkan naratif kolonial bahawa hukum Melayu tidak pernah ditulis atau hanya diwariskan secara lisan.

Kandungan HKP juga menunjukkan kewujudan mekanisme penghukuman, perbicaraan, penyaksian, dan hierarki kuasa yang jelas. Bermula daripada prosedur kes jenayah, tanggungjawab pemimpin, pengurusan orang hilang, hingga kepada larangan tertentu berkait akhlak dan siasah, setiap fasal menunjukkan konsistensi interpretasi hukum yang hanya dapat wujud dalam masyarakat yang memiliki konsep legal-rational governance.

Lebih penting lagi, HKP membuktikan bahawa masyarakat Melayu sebelum kolonialisme telah memiliki:

- institusi kehakiman, dengan rujukan kepada kadi dan kuasa pembesar;

- autoriti politik berhierarki, mencerminkan negara-bangsa yang berfungsi;
- peraturan ekonomi dan maritim, termasuk pengurusan sungai, pelabuhan dan perdagangan;
- etika sosial, termasuk perlindungan rakyat, amanah, dan tanggungjawab pemimpin.

Semua bukti ini menafikan dakwaan kolonial bahawa British datang membawa undang-undang bertulis kepada masyarakat Melayu. Sebaliknya, HKP membuktikan bahawa masyarakat Melayu-Pahang mempunyai sejarah hukum bertulis yang matang sebelum kedatangan British. Dengan itu, HKP berperanan sebagai *counter-archive* yang memulihkan naratif hukum yang sengaja dipadamkan dalam arkib kolonial.

HKP sebagai Dokumen Governan dan *Siyasah*

Selain berfungsi sebagai kod undang-undang, Hukum Kanun Pahang (HKP) turut muncul sebagai dokumen governan dan *siyasah* yang menggambarkan struktur politik, autoriti pemerintahan dan hubungan kuasa dalam masyarakat Melayu-Pahang pra-kolonial. Kandungan HKP tidak hanya menyusun fasal jenayah atau muamalat; ia turut mengatur kedudukan raja, bendahara, pembesar, pegawai istana, hubungan rakyat-pemerintah, dan prinsip etika kepimpinan; suatu bukti bahawa masyarakat Melayu telah memiliki struktur negara-bangsa yang lengkap sebelum campur tangan British.

HKP memperincikan hierarki kuasa yang jelas, bermula daripada kedudukan Sultan sebagai sumber autoriti tertinggi, diikuti oleh Bendahara sebagai pelaksana pentadbiran, lalu pembesar daerah yang bertanggungjawab ke atas pengurusan wilayah dan kehidupan masyarakat. Susunan ini menunjukkan konsep *political order* yang stabil, berdasarkan pandangan dunia Islam-Melayu yang menekankan kesetiaan, amanah, dan keadilan. Dalam konteks ini, HKP bukan hanya teks hukum, tetapi teks politik yang mengatur disiplin kuasa, tanggungjawab pemerintah dan perlindungan terhadap rakyat.

Fasal-fasal *siyasah* dalam HKP turut menekankan prinsip utama governan Islam seperti larangan kezaliman, amanah dalam pentadbiran, serta tanggungjawab pemerintah untuk menjaga kebajikan rakyat. Kandungan ini selari dengan tradisi *siyasah syar'iyah* yang berkembang dalam dunia Islam, terutama dalam karya seperti *al-Ahkām al-Sultāniyyah* al-Māwardī. Maka, HKP menjadi bukti bahawa masyarakat Melayu-Pahang memiliki sistem pemerintahan yang bukan sahaja berstruktur, tetapi juga selaras dengan nilai keadilan Islam.

HKP juga menetapkan peraturan terhadap pelanggaran kuasa pemerintah, rasuah, salah guna kuasa, dan ketidakadilan. Dalam hal ini, teks tersebut berfungsi sebagai mekanisme kawalan terhadap kemungkinan penyalahgunaan autoriti oleh pembesar atau pegawai istana. Dengan demikian, HKP menunjukkan bahawa sistem politik Melayu bukanlah sistem yang arbitrari seperti yang digambarkan dalam tulisan kolonial, tetapi sebuah sistem yang meletakkan undang-undang sebagai asas pemerintahan.

Selain itu, HKP memberikan gambaran jelas tentang bagaimana pentadbiran dijalankan, termasuk pengurusan cukai, tanggungjawab ketua kampung, peranan saksi, dan kewajiban masyarakat terhadap pemerintah. Semua aspek ini mengukuhkan bahawa HKP adalah dokumen negara yang memaparkan hubungan timbal balik antara pemerintah dan rakyat dalam rangka yang teratur dan legal-rational.

Melalui bukti-bukti ini, HKP berfungsi sebagai dokumen governan yang kritikal dalam

menangkis naratif kolonial bahawa masyarakat Melayu tidak mempunyai kerajaan yang teratur atau sistem pentadbiran yang berfungsi. Dalam arkib kolonial, gambaran tentang pemerintahan Melayu sering dikesalkan, disifatkan sebagai tidak sistematik, dan bergantung pada adat primitif. Namun, HKP menolak gambaran ini secara langsung dengan menunjukkan bahawa Pahang telah pun memiliki sistem pemerintahan berhierarki berasaskan undang-undang yang mantap.

Oleh itu, HKP bukan sahaja menafikan dakwaan kolonial tetapi turut memulihkan memori politik dan pentadbiran Melayu-Pahang yang telah dipadamkan. Dengan itu, HKP bertindak sebagai sebuah *counter-archive* dalam lapisan siyasah dan governan, menonjolkan bahawa masyarakat Melayu bukan subjek pasif tanpa struktur, tetapi pemilik tradisi pemerintahan yang matang dan kompleks.

HKP Memulihkan Memori Hukum yang Dipadamkan

Salah satu fungsi paling penting Hukum Kanun Pahang (HKP) sebagai *counter-archive* ialah keupayaannya memulihkan memori hukum Melayu-Pahang yang telah dipadamkan, disenyapkan atau dipinggirkan oleh arkib kolonial British. Dalam rekod kolonial, hampir tiada ruang diberikan kepada HKP sebagai dokumen undang-undang bertulis. Pengabaian ini bukan semata-mata kecuaiian historiografi tetapi merupakan satu tindakan epistemik yang disengajakan bagi mengekalkan naratif bahawa British membawa undang-undang moden ke Tanah Melayu. Dengan menafikan kewujudan sistem hukum bertulis tempatan, kolonial dapat mengekalkan gambaran bahawa pentadbiran Melayu pra-kolonial adalah huru-hara, tidak sistematik dan memerlukan campur tangan imperialis untuk menyelamatkan masyarakat setempat.

HKP memulihkan memori hukum yang hilang ini dengan menunjukkan bahawa Pahang telah memiliki satu sistem undang-undang yang lengkap dan berfungsi sebelum kedatangan British. Melalui kandungan fasal yang tersusun dan menyeluruh, HKP mengungkapkan sistem keadilan jenayah, peraturan muamalat, undang-undang kekeluargaan, mekanisme pentadbiran dan undang-undang maritim yang dikodifikasi secara rapi. Kewujudan fasal-fasal ini membuktikan wujudnya tradisi *legal-rational governance* yang berakar pada syariah Shāfi‘ī serta adat Melayu yang mantap.

Pemulihan memori hukum ini penting kerana arkib kolonial secara aktif menyembunyikan, mengecilkan atau meremehkan pencapaian undang-undang Melayu. Rekod kolonial sering menggambarkan hukum Melayu sebagai longgar, tidak bertulis atau tidak konsisten. Namun, HKP membuktikan bahawa gambaran itu adalah hasil pembacaan kolonial yang selektif. HKP mengekalkan jejak struktur perundangan Melayu yang merangkumi bidang kuasa hakim (kadi), pembesar, mekanisme penyaksian, pengurusan kes berat dan ringan, serta bentuk hukuman yang konsisten. Kesemua ini menandakan bahawa masyarakat Melayu mempunyai konsep *rule of law* mereka sendiri berteraskan syariah dan adat jauh sebelum British memperkenalkan sistem kehakiman kolonial.

HKP juga memulihkan memori hubungan antara hukum dan siyasah, sesuatu yang sama sekali hilang daripada naratif kolonial. Fasal-fasal dalam HKP memperlihatkan kesan langsung peraturan hukum terhadap pemerintahan, kelestarian negeri, dan kesejahteraan rakyat. Ia menekankan larangan pemimpin berlaku zalim, menegaskan prinsip keadilan, amanah, serta tanggungjawab sosial pemerintah. Penghapusan dimensi ini dalam arkib kolonial menyebabkan sejarah politik Melayu sering dipaparkan sebagai arbitrari dan berasaskan kuasa mutlak raja semata-mata, sedangkan HKP menunjukkan bahawa kuasa politik Melayu tertakluk pada undang-undang dan prinsip moral Islam.

Selain itu, HKP memulihkan memori ekonomi dan maritim yang turut dipadamkan oleh

kolonial. Fasal berkaitan pelabuhan, perdagangan Sungai Pahang, cukai, tanggungjawab nakhoda dan larangan maritim membuktikan wujudnya sistem perdagangan yang kompleks. Namun aspek-aspek ini hampir tidak direkodkan dalam laporan kolonial yang lebih menumpukan pada gambaran Pahang sebagai pedalaman yang pasif dan terbelakang.

Dengan menghadirkan semula keseluruhan struktur hukum, pentadbiran dan maritim yang telah dipadam, HKP memberikan naratif alternatif iaitu naratif yang berakar pada pengalaman masyarakat Melayu sendiri. Dalam kerangka teori Stoler (2009), HKP berperanan mengisi *archival voids* yang ditinggalkan oleh rekod kolonial, sekali gus menuntut pembacaan semula sejarah Tanah Melayu dari sudut pandang tempatan. HKP tidak hanya memperlihatkan apa yang hilang, tetapi mengembalikan autoriti epistemik masyarakat Melayu sebagai pencipta sistem hukum yang berfungsi.

Dengan itu, HKP berfungsi sebagai *counter-archive* bukan sahaja kerana ia bercanggah dengan naratif kolonial, tetapi kerana ia memulihkan memori hukum, politik dan sosial yang telah dipadamkan oleh kolonialisme. Pemulihan memori ini membolehkan sejarah Pahang dibaca semula bukan sebagai ruang kosong yang menunggu kolonial, tetapi sebagai sebuah negeri bertamadun dengan sistem hukum, pemerintahan dan etika yang sudah pun matang sebelum kedatangan British.

Analisis Politik dan Institusi sebagai *Counter-Archive*

Dimensi politik dan institusi dalam Hukum Kanun Pahang (HKP) membuktikan bahawa masyarakat Melayu-Pahang sebelum kolonialisme memiliki struktur pemerintahan yang teratur, hierarki kuasa yang jelas, serta mekanisme governan yang berfungsi. Struktur ini bercanggah secara langsung dengan naratif kolonial British yang menggambarkan negeri Melayu sebagai tidak stabil, tidak terurus dan bergantung sepenuhnya kepada adat lisan tanpa sistem pentadbiran yang konsisten. Melalui bukti-bukti yang terkandung dalam HKP, jelas bahawa Pahang memiliki sistem politik yang jauh lebih kompleks dan mantap daripada gambaran yang dihasilkan oleh arkib kolonial.

HKP memperlihatkan struktur institusi yang tersusun, bermula daripada kedudukan Sultan sebagai ketua negara dan autoriti tertinggi, diikuti oleh Bendahara sebagai pengurus pentadbiran negeri, serta pembesar daerah yang memegang kuasa ke atas kawasan masing-masing. Fasal-fasal berkaitan tanggungjawab Bendahara, penghulu, orang besar, dan pegawai-pegawai tertentu menunjukkan kewujudan struktur birokrasi yang tidak hanya bersifat simbolik, tetapi beroperasi melalui peraturan dan tanggungjawab yang jelas. Keberadaan hierarki ini menunjukkan bahawa pentadbiran Melayu bukanlah sistem yang arbitrari seperti gambaran kolonial, tetapi satu bentuk tata kelola yang stabil dan terinstitusi.

HKP turut menekankan prinsip-prinsip siyasah syar'iyah dalam pentadbiran. Terdapat fasal yang mencegah kezaliman, melarang penyalahgunaan kuasa, menetapkan tanggungjawab pemimpin terhadap kebajikan rakyat, serta menegakkan prinsip keadilan dan amanah. Prinsip ini sejajar dengan pemikiran politik Islam klasik, khususnya tradisi al-Māwardī dalam *al-Aḥkām al-Sultāniyyah* yang menekankan integriti pemerintahan dan perlindungan terhadap rakyat. Penekanan HKP terhadap nilai etika dan moral ini membuktikan bahawa sistem politik Melayu-Pahang bukan sahaja teratur, tetapi juga berpaksikan prinsip etika Islam yang matang.

Dari sudut hubungan kuasa, HKP menggariskan mekanisme kawalan terhadap pembesar dan pegawai yang melakukan penyalahgunaan kuasa. Fasal-fasal tertentu menetapkan hukuman yang jelas terhadap pegawai yang menipu, merampas hak rakyat, menerima rasuah, atau melanggar amanah. Ini

menunjukkan bahawa undang-undang Melayu-Pahang memiliki mekanisme *accountability* yang mengawal perilaku elit politik, sesuatu yang jarang diakui dalam naratif kolonial yang sering menggambarkan raja dan pembesar Melayu sebagai pemimpin arbitrari tanpa batasan undang-undang. Selain itu, HKP merekodkan tanggungjawab institusi dalam kehidupan rakyat, termasuk pengurusan hasil negeri, penyelesaian pertikaian, pengendalian kes jenayah, serta perlindungan terhadap harta benda dan keselamatan masyarakat. Kesemua ini memperlihatkan kewujudan sistem negara yang beroperasi mengikut undang-undang, bukan semata-mata atas budi bicara individu. Hakikat bahawa HKP mampu mendokumentasikan hubungan antara pemerintah, pembesar dan rakyat melalui fasal yang sistematik menunjukkan kewujudan tradisi governan yang kukuh sebelum kolonialisme.

Naratif kolonial sering mendakwa bahawa negeri Melayu bersifat lembap, terpecah-pecah dan tidak mampu membentuk sistem pentadbiran berkesan. Namun, HKP membongkar hakikat bahawa Pahang telah memiliki struktur governan yang kompleks dan sistematik. Pengabaian rikod yang menyentuh tentang fungsi Bendahara, pembesar daerah, penghulu, dan struktur kehakiman dalam arkib kolonial jelas menunjukkan satu bentuk *archival erasure* seperti yang dihuraikan Stoler (2009) iaitu pemadaman sengaja ke atas aspek ketamadunan tempatan bagi mengukuhkan naratif keperluan penjajahan.

Dengan itu, HKP berperanan sebagai *counter-archive* dalam dimensi politik dan institusi. Ia memulihkan gambaran sebenar sistem pemerintahan Melayu-Pahang yang berfungsi, teratur dan berpaksikan prinsip moral Islam. HKP bukan sahaja mencabar gambaran kolonial tentang politik Melayu, tetapi juga menu

Ekonomi dan Maritim sebagai *Counter-Archive*

Dimensi ekonomi dan maritim dalam Hukum Kanun Pahang (HKP) memberikan satu pendedahan penting terhadap struktur ekonomi Melayu-Pahang yang telah lama dipadamkan dalam arkib kolonial. British secara konsisten menggambarkan Pahang sebagai negeri pedalaman yang terasing, kurang maju dan tidak memiliki jaringan perdagangan yang signifikan. Gambaran ini bertujuan mewajarkan intervensi kolonial dan memperkukuh naratif bahawa hanya kolonialisme dapat mengangkat ekonomi Pahang ke tahap moden. Namun, analisis HKP membuktikan bahawa naratif ini jauh daripada benar. HKP menampilkan bukti jelas mengenai sebuah ekonomi maritim yang aktif, struktur perdagangan yang sistematik dan rangka undang-undang ekonomi yang berfungsi sebelum campur tangan British.

HKP memaparkan fasal-fasal yang berhubung dengan perdagangan, pelabuhan, cukai, tanggungjawab nakhoda, keselamatan sungai dan hubungan komersial di sepanjang Sungai Pahang laluan maritim utama yang menghubungkan pedalaman dengan Laut China Selatan. Fasal berkaitan peraturan pelayaran, keselamatan kapal, hak nakhoda dan tanggungjawab krew menunjukkan bahawa masyarakat Melayu-Pahang mempunyai satu sistem ekonomi yang teratur dan berintegrasi dengan rangkaian perdagangan serantau. Hal ini terbukti melalui peraturan berkaitan barang dagangan, ketertiban dalam pelayaran, kawal selia terhadap perdagangan air, serta tanggungjawab moral dan undang-undang terhadap kerosakan atau kehilangan barang.

Selain itu, kandungan HKP turut menegaskan kewujudan sistem kawalan ekonomi negeri melalui struktur pentadbiran cukai dan hasil negeri. Fasal mengenai kutipan cukai, denda dan hasil memperlihatkan bahawa ekonomi Pahang berasaskan sistem pengurusan yang tersusun, dengan pembesar tertentu bertanggungjawab terhadap pelaksanaan cukai. Sistem hasil ini menunjukkan

kehadiran negara yang mengurus, memungut dan mengagihkan sumber secara sistematik bercanggah dengan gambaran kolonial bahawa masyarakat Melayu tidak memiliki institusi fiskal yang stabil.

HKP juga menggariskan peraturan yang memastikan keadilan dalam perdagangan, termasuk perlindungan hak peniaga, larangan penipuan, serta penyelesaian pertikaian ekonomi. Peraturan tersebut mencerminkan pemikiran ekonomi Islam yang menekankan keadilan, amanah dan tanggungjawab sosial. Dalam konteks ini, HKP mendedahkan bahawa ekonomi Melayu bukanlah bersifat primitif atau bergantung semata-mata pada pertanian, tetapi merangkumi aktiviti perdagangan domestik dan antarabangsa yang diurus secara beretika dan berperundangan.

Dari sudut maritim, HKP membuktikan bahawa masyarakat Melayu-Pahang mempunyai kefahaman mendalam terhadap undang-undang laut dan perairan. Fasal mengenai peraturan pelayaran, pengurusan pelabuhan, undang-undang nakhoda, keselamatan sungai dan sungai sebagai laluan perdagangan menunjukkan bahawa kehidupan ekonomi Pahang sangat berkait dengan alam maritime lebih jauh daripada gambaran kolonial yang mengecilkan peranan maritim Pahang. Pahang memiliki jaringan maritim yang dihubungkan oleh Sungai Pahang, Pulau Tioman dan pelabuhan serantau, menjadikannya sebahagian daripada dunia perdagangan Asia Tenggara.

Namun, arkib kolonial hampir tidak merekodkan keaktifan maritim ini. Laporan British lebih menekankan kemunduran ekonomi dan pedalaman Pahang sebagai kawasan terpencil. Pemadaman ini selari dengan apa yang disebut Stoler (2009) sebagai *archival silences* iaitu ketiadaan sengaja dalam rekod kolonial bagi melindungi naratif keunggulan imperialis. HKP, dengan struktur fasal ekonomi dan maritimnya yang terperinci, memulihkan kembali memori ekonomi yang hilang ini. Oleh itu, HKP berperanan sebagai *counter-archive* dalam dimensi ekonomi dan maritim dengan menonjolkan bahawa:

1. Pahang mempunyai sistem ekonomi yang tersusun dan dikawal selia.
2. Aktiviti perdagangan maritim adalah aktif, teratur dan mempunyai rangka undang-undang.
3. Negeri Pahang memiliki jaringan perdagangan yang menghubungkan pedalaman dengan dunia luar.
4. Ekonomi Melayu-Pahang mempunyai prinsip etika berdasarkan Islam.
5. Arkib kolonial memadamkan hakikat ini untuk mewajarkan misi ekonomi kolonial.

Keseluruhannya, HKP membuktikan bahawa ekonomi dan maritim Melayu-Pahang adalah jauh lebih kompleks, moden dan teratur daripada imej yang dibentuk oleh rekod kolonial. Dengan itu, HKP memulihkan naratif ekono

Sosial & Etika Masyarakat sebagai *Counter-Archive*

Dimensi sosial dan etika dalam Hukum Kanun Pahang (HKP) memperlihatkan dengan jelas bahawa masyarakat Melayu-Pahang pra-kolonial memiliki sistem nilai, moraliti dan struktur sosial yang matang serta berasaskan kepada prinsip Islam dan adat yang berfungsi. Hal ini bercanggah secara langsung dengan gambaran kolonial yang sering menonjolkan masyarakat Melayu sebagai pasif, tidak berdisiplin, tidak beretika, dan memerlukan kawalan kolonial untuk mencapai ketamadunan. Analisis mendalam terhadap fasal-fasal sosial dalam HKP mendedahkan bahawa naratif kolonial ini bukan sahaja tidak tepat, tetapi merupakan satu bentuk penyelewengan epistemic, satu usaha terancang untuk memadamkan kehalusan budaya sosial Melayu bagi mengukuhkan justifikasi penjajahan.

HKP mengandungi pelbagai fasal yang mengatur hubungan sosial, akhlak, kelakuan awam, peranan keluarga, tanggungjawab individu dan nilai-nilai moral masyarakat. Fasal berkaitan perlakuan tidak bermoral, ancaman kepada keharmonian masyarakat, perlindungan terhadap golongan rentan,

serta peraturan adab sosial menunjukkan bahawa masyarakat Melayu-Pahang sangat menekankan integriti moral sebagai asas kehidupan berk komuniti. Dalam kerangka Islam-Melayu, etika sosial bukan sekadar soal disiplin peribadi, tetapi merupakan sebahagian daripada struktur governan dan kesejahteraan negeri.

Salah satu aspek penting yang menonjol dalam HKP ialah kedudukan keluarga sebagai institusi teras. Peraturan mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, hak waris, tanggungjawab suami isteri dan disiplin keluarga memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai struktur sosial yang stabil. Arkib kolonial jarang mengiktiraf institusi ini, malah sering menggambarkan keluarga Melayu sebagai longgar atau tidak teratur, sedangkan HKP membuktikan wujudnya sistem perlindungan keluarga dan nilai kekeluargaan yang sangat kuat.

Selain itu, HKP menekankan etika sosial seperti amanah, kesopanan, larangan mengumpat, larangan mencuri, perlindungan terhadap harta orang lain, dan larangan melakukan kerosakan terhadap harta awam. Peraturan ini bukan sahaja mengatur tingkah laku individu, tetapi juga membentuk budaya sosial yang menekankan tanggungjawab bersama. Nilai-nilai ini sangat penting kerana ia menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tidak bergantung semata-mata pada kawalan dari atas, sebaliknya mengamalkan *community-based ethics* yang memelihara keharmonian sosial secara kolektif.

HKP juga memperlihatkan peranan agama sebagai sumber moral masyarakat. Fasal-fasal berkaitan larangan minum arak, zina, berjudi, dan perbuatan maksiat lain menunjukkan bahawa syariah menjadi asas pengekalan moral masyarakat. Peranan kadi, imam dan pembesar turut memperkukuh struktur etika sosial ini. Arkib kolonial sering menggambarkan masyarakat Melayu sebagai fatalistic Muslim, namun HKP menunjukkan masyarakat Melayu-Pahang melaksanakan syariah secara aktif dalam kehidupan seharian.

Dalam konteks sosial dan etika, HKP turut membetulkan gambaran kolonial bahawa masyarakat Melayu malas, tidak produktif dan tidak berdisiplin. Sebaliknya, fasal-fasal HKP memperlihatkan penegasan terhadap disiplin kerja, kejujuran dalam perdagangan, dan tanggungjawab sosial dalam komuniti. Peraturan terhadap penipuan, salah laku, dan kecuaiian membuktikan bahawa masyarakat Melayu memandang serius integriti sosial dan ekonomi.

Pemadaman dimensi sosial ini dalam arkib kolonial bukan suatu kebetulan. Menurut hujah Stoler (2010), arkib kolonial sering merakam hanya apa yang menguntungkan pentadbiran kolonial serta mengabaikan aspek yang menunjukkan keupayaan masyarakat jajahan mengurus dirinya sendiri. Dalam kes Pahang, pemadaman sistem nilai sosial dan etika Melayu bertujuan membina naratif bahawa masyarakat Melayu tidak mempunyai asas moral dan memerlukan intervensi kolonial untuk mencapai orde sosial moden.

HKP bertindak sebagai *counter-archive* dalam mengembalikan memori sosial dan etika ini. Ia menunjukkan bahawa masyarakat Melayu-Pahang memiliki:

1. Sistem sosial yang mantap, dengan struktur kekeluargaan yang jelas.
2. Etika sosial yang tinggi, berasaskan akhlak Islam dan adat.
3. Prinsip keadilan sosial, termasuk perlindungan terhadap golongan lemah.
4. Pengurusan nilai masyarakat, melalui kadi, penghulu dan pembesar.
5. Disiplin sosial yang teratur, melalui peraturan yang jelas terhadap kesalahan sosial.

Keseluruhannya, HKP menunjukkan bahawa masyarakat Melayu bukan masyarakat yang memerlukan kolonialisme untuk membentuk struktur sosial yang stabil, tetapi merupakan sebuah

komuniti yang sudah pun memiliki sistem nilai yang matang, seimbang dan mengakar dalam budaya tempatan. Dengan itu, HKP bukan sekadar dokumen undang-undang tetapi juga rekod sosial yang memulihkan memori etika masyarakat Melayu yang telah dipadamkan oleh arkib kolonial.

Epistemologi dan Pembentukan Identiti sebagai *Counter-Archive*

Dimensi epistemologi dan pembentukan identiti dalam Hukum Kanun Pahang (HKP) merupakan aspek paling mendalam yang membuktikan peranan HKP sebagai sebuah *counter-archive*. Di sebalik fungsinya sebagai teks perundangan, HKP sebenarnya menyimpan suatu bentuk *epistemic memory* iaitu memori pengetahuan yang mencerminkan cara masyarakat Melayu-Pahang memahami dunia, menstrukturkan pengetahuan, dan membina identiti kolektif mereka. Dimensi ini paling terkesan oleh kolonialisme, kerana arkib kolonial British beroperasi bukan sahaja sebagai pusat rekod, tetapi sebagai alat epistemik yang menentukan apa yang layak dianggap sebagai pengetahuan sah dan apa yang dianggap tidak penting atau primitif.

Dalam rekod kolonial, worldview Melayu sering digambarkan sebagai kabur, tidak rasional dan tidak bersifat legal-rational. Kolonial mendakwa bahawa masyarakat Melayu tidak mempunyai sistem ilmu yang tersusun atau konsep ketatanegaraan yang konsisten. Melalui gambaran seperti ini, kolonial mewujudkan *epistemic hierarchy* ; satu susunan kuasa pengetahuan yang meletakkan Barat sebagai pusat rujukan, manakala pengetahuan tempatan diturunkan ke kedudukan periferi. Inilah bentuk *epistemic injustice* seperti dihuraikan oleh Fricker (2007), di mana suara dan pengalaman masyarakat terjajah direndahkan statusnya sebagai sumber pengetahuan.

Namun, analisis terhadap HKP membuktikan sebaliknya. HKP memaparkan satu sistem pengetahuan yang kukuh, berasaskan integrasi antara syariah Shāfi'ī, adat Melayu dan pengalaman sejarah Pahang. Fasal-fasal HKP menunjukkan bagaimana masyarakat Melayu memahami konsep kebenaran, keadilan, ketertiban sosial, maruah, amanah, dan hubungan antara rakyat dengan pemerintah. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu-Pahang memiliki *epistemic framework* tersendiri, iaitu cara mereka mentafsir realiti sosial dan politik melalui prinsip Islam yang disesuaikan dengan konteks tempatan.

Secara epistemologinya, HKP menolak gambaran kolonial bahawa masyarakat Melayu tidak mempunyai sistem ilmu yang tersusun. HKP memperlihatkan bahawa pengetahuan hukum, siyasah, ekonomi dan sosial Melayu dibina melalui kaedah yang sistematik dan konsisten. Misalnya, peraturan berkaitan prosedur kehakiman, penyaksian, sumpah, perlindungan hak, larangan kezaliman, serta etika pengurusan negara menunjukkan wujudnya metodologi pemikiran yang teratur, bukan bersifat spontan atau tradisi lisan semata-mata. Ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu memahami sesuatu isu melalui kerangka normatif yang stabil dan tidak bergantung pada keinginan individu.

HKP turut memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti kolektif masyarakat Melayu-Pahang. Fasal-fasal yang merangkumi nilai moral, struktur kekeluargaan, tanggungjawab pemimpin, hubungan antara kelas sosial, serta etika perdagangan menunjukkan bahawa HKP bukan sekadar teks undang-undang, tetapi teks identiti. Ia membentuk dan memantapkan makna menjadi Orang Pahang melalui prinsip syariah, adat dan budaya yang diterima bersama. Identiti ini terhapus atau diketepikan dalam arkib kolonial, yang lebih menekankan peranan British sebagai faktor pembentukan modeniti dan ketertiban sosial.

Selain itu, HKP mengungkapkan sistem nilai yang menjadi asas epistemologi Melayu-Pahang,

antaranya:

- Tauhid dan autoriti moral, yang menjadi asas kepada keadilan dan pemahaman tentang kuasa.
- Adat sebagai struktur sosial, yang bukan sahaja tradisi tetapi sistem pengawalan sosial yang dipersetujui komuniti.
- Syariah sebagai sumber hukum, yang mengikat pemimpin dan rakyat kepada nilai yang lebih tinggi daripada kuasa politik.
- Amanah sebagai prinsip etika, yang mengatur hubungan dalam keluarga, masyarakat dan pemerintahan.
- Maruah (*izzah*) dan kehormatan, sebagai unsur identiti yang dikawal oleh hukum dan adat.

Kesemua prinsip ini membentuk dunia makna masyarakat Melayu-Pahang, menyediakan asas identiti budaya yang tidak diiktiraf dalam arkib kolonial. Untuk kolonial, pengetahuan Melayu dianggap lokal, tradisional dan oleh itu kurang bernilai. HKP memusnahkan persepsi ini dengan menonjolkan ketinggian sistem epistemologi Melayu yang dapat menghasilkan teks hukum berasaskan analisis moral, politik dan sosial yang mendalam.

HKP juga berfungsi sebagai *counter-narrative* yang membalikkan naratif orientalis bahawa masyarakat Melayu tidak mempunyai sejarah intelektual yang signifikan. Dengan memelihara struktur pengetahuan pra-kolonial, HKP memulihkan identiti epistemologi yang selama ini ditutup oleh naratif kolonial. Bahkan, hakikat bahawa HKP terus diwariskan hingga abad ke-19 menunjukkan bahawa sistem ilmu ini hidup dan berperanan dalam kehidupan sebenar masyarakat Pahang.

Oleh itu, HKP bukan sahaja memulihkan memori hukum atau pentadbiran, tetapi memulihkan memori epistemologi Melayu-Pahang iaitu cara mereka berfikir, memahami realiti, mengatur masyarakat dan membentuk identiti mereka. Dalam kerangka itu, HKP merupakan *counter-archive* yang paling asas dan penting, kerana ia bukan sahaja menolak naratif kolonial, tetapi juga mengembalikan agensi masyarakat Melayu sebagai pencipta ilmu, pembentuk negeri, dan pemilik sejarah mereka sendiri.

HASIL DAN PERBICANGAN

Berdasarkan kerangka teori kuasa–pengetahuan Foucault, teori arkib kolonial Stoler, orientalisme Said dan epistemic injustice Fricker, perbincangan ini meneliti jurang besar antara sejarah sebenar masyarakat Melayu-Pahang dan sejarah yang dibentuk oleh arkib kolonial. Pengabaian terhadap HKP tidak boleh dianggap sebagai kebetulan; ia adalah sebahagian daripada projek kolonial yang bertujuan mengawal penghasilan pengetahuan, membentuk historiografi, dan mengekalkan hegemoni imperial melalui representasi yang selektif. Dalam konteks ini, HKP bukan sekadar teks undang-undang, tetapi sebuah arsip tandingan yang memperbetulkan gambaran kolonial dan mengembalikan agensi epistematik masyarakat Melayu.

Arkib Kolonial sebagai Alat Kuasa: HKP Mengungkapkan Pemadaman Sejarah

Melalui kerangka Foucault (1977), arkib kolonial boleh difahami sebagai *apparatus of power* iaitu satu medan yang digunakan kolonial untuk menghasilkan naratif rasmi yang menyokong dominasi mereka. Apa yang direkodkan, dan lebih penting lagi apa yang tidak direkodkan, menggambarkan kepentingan

politik kuasa imperial.

Analisis terhadap HKP menunjukkan bahawa British mempunyai kepentingan untuk menggambarkan masyarakat Melayu sebagai tidak bertamadun dari sudut undang-undang, pemerintahan, ekonomi dan budaya. Oleh itu, arkib kolonial sering menonjolkan bahawa:

- Melayu tidak mempunyai undang-undang bertulis,
- sistem governan Melayu tidak tersusun,
- ekonomi Melayu bersifat lemah dan terhad,
- masyarakat Melayu dianggap malas atau tidak beretika,
- tradisi keilmuan Melayu tidak diiktiraf sebagai sumber pengetahuan sah.

Namun, HKP membuktikan sebaliknya. Kandungan fasalnya menunjukkan adanya sistem hukum bertulis yang lengkap, pentadbiran yang berhierarki dan berfungsi, ekonomi maritim yang dinamik, serta etika sosial yang berteraskan Islam.

Keseluruhan ini menonjolkan bahawa arkib kolonial bukanlah cerminan realiti, tetapi satu bentuk *strategic ignorance* iaitu kejahilan terancang yang dipupuk untuk menguatkan naratif keperluan penjajahan.

Dengan itu, HKP menggesa pembacaan semula arkib kolonial melalui pendekatan *reading against the grain* (Stoler, 2009), iaitu membaca rekod kolonial melalui apa yang disembunyikan, dipadam atau disenyapkan. HKP dengan sendirinya menjadi bukti bahawa pemadaman ini adalah agenda epistemik kolonial yang disengajakan, bukan kekurangan dokumentasi.

HKP Menolak Naratif Orientalis: Memulihkan Citra Ketamadunan Melayu

Melalui kerangka orientalisme Said (1978), kolonial British membentuk gambaran bahawa masyarakat Melayu adalah pasif, tidak moden, tidak rasional, dan tidak memiliki sistem hukum atau pentadbiran yang berfungsi. Naratif ini digunakan bagi mewajarkan tanggungjawab kolonial untuk memperkenalkan undang-undang dan governan moden.

Namun HKP dengan jelas mematahkan gambaran orientalis ini. Fasal-fasalnya memperlihatkan kewujudan sistem hukum syariah-adat yang tersusun, pemerintah yang memikul tanggungjawab moral, peraturan ekonomi dan maritim yang teratur, serta budaya etika sosial yang tinggi. Analisis HKP menunjukkan bahawa masyarakat Melayu-Pahang telah pun memiliki struktur tamadun yang matang sebelum campur tangan British.

Dengan itu, HKP memulihkan citra ketamadunan Melayu yang digelapkan oleh wacana kolonial dan mengembalikan realiti bahawa masyarakat Melayu bukan subjek terjajah yang pasif, tetapi pencipta sistem hukum, politik dan ekonomi mereka sendiri.

HKP Memecahkan Regim Kebenaran Kolonial

Foucault menegaskan bahawa kuasa kolonial beroperasi melalui *regime of truth* iaitu satu sistem kebenaran yang ditentukan oleh mereka yang berkuasa. Dalam konteks Tanah Melayu, kolonial membentuk gambaran rasmi bahawa Melayu tidak mempunyai undang-undang bertulis, pentadbiran tidak tersusun, ekonomi primitif dan intelektualisme tempatan tidak signifikan.

HKP memusnahkan keseluruhan sistem kebenaran kolonial ini. Dengan memperlihatkan kehalusan struktur hukum, hierarki politik, tradisi maritim dan etika sosial, HKP menghasilkan *counter-truth* iaitu kebenaran berdasarkan sumber tempatan yang lebih sahih berbanding naratif kolonial. HKP

dengan itu mencabar kebenaran imperial, memaksa penulisan semula sejarah berdasarkan dokumen lokal dan bukan lagi bergantung kepada rekod British semata-mata.

HKP Mengungkapkan *Epistemic Injustice* terhadap Masyarakat Melayu

Menggunakan teori Fricker (2007), dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu mengalami dua bentuk *epistemic injustice* dalam arkib kolonial: 1) *Testimonial injustice*; suara Melayu tidak dianggap sah sebagai sumber sejarah. British lebih mempercayai rekod mereka sendiri berbanding teks tempatan dan 2) *Hermeneutical injustice*; Pengetahuan Melayu ditafsir melalui kategori kolonial, bukan kategori epistemologi Melayu sendiri. Konsep seperti syariah, adat, maruah, amanah dan siyasa ditafsir secara salah atau diabaikan.

HKP memperbetulkan ketidakadilan epistemik ini. Ia mengembalikan konsep-konsep ilmu Melayu-Islam yang asli dan membuktikan bahawa masyarakat Melayu mempunyai sistem intelektual yang matang dan tersusun. HKP mengembalikan autoriti epistemik kepada masyarakat Melayu-Pahang yang telah lama dinafikan dalam historiografi kolonial.

HKP Mengungkapkan *Silent Histories* yang Dipadamkan Kolonial

Menurut Stoler (2009; 2010), arkib kolonial mengandungi banyak *silences* iaitu ruang kosong, sejarah yang tidak direkod atau sengaja dipadam. Dalam konteks Pahang, sejarah yang dipadamkan termasuklah:

- kewujudan undang-undang bertulis,
- sistem governan raja–bendahara–pembesar,
- ekonomi dan jaringan maritim Sungai Pahang,
- institusi ulama dan kehakiman syariah,
- nilai etika sosial Islam-Melayu,
- budaya ilmu dan identiti epistemologi tempatan.

HKP mengisi ruang kosong ini. Ia menghidupkan kembali sejarah-sejarah senyap yang tidak diarkibkan oleh kolonial, sekaligus memperlihatkan bahawa ketiadaan rekod bukan bermakna ketiadaan sejarah, tetapi hasil pemilihan kuasa arkib kolonial.

HKP sebagai Dokumen Dekolonial dan *Counter-Archive*

Setelah semua dimensi dianalisis, HKP jelas berfungsi sebagai: 1) *Counter-archive*; ia memulihkan maklumat yang hilang dan membetulkan rekod kolonial yang berat sebelah ; 2) *Counter-narrative*; ia menyediakan naratif alternatif terhadap gambaran kolonial mengenai undang-undang, politik, ekonomi dan sosial Melayu; 3) *Counter-epistemology*; ia menegaskan bahawa kerangka ilmu Melayu-Islam adalah sah, rasional dan matang; dan 4) *Counter-history*; Ia membina semula sejarah Pahang dari perspektif sumber tempatan, bukan kolonial.

Dengan itu, HKP bukan sahaja dokumen hukum tetapi alat dekolonisasi yang memulihkan maruah sejarah dan ilmu masyarakat Melayu-Pahang.

Implikasi: HKP Menuntut Penulisan Semula Sejarah Pahang dan Tanah Melayu

Dapatan ini membawa implikasi besar terhadap historiografi:

- Sejarah Pahang mesti ditulis semula berdasarkan HKP, bukan semata-mata rekod British.

- Ekonomi dan maritim Pahang mesti diiktiraf sebagai maju sebelum kolonialisme.
- Sistem hukum Melayu perlu diiktiraf sebagai tradisi legal yang sebenar dan kompleks.
- Epistemologi Melayu-Islam perlu diletakkan sebagai asas pemikiran tempatan.
- Pengaruh orientalis dalam buku teks dan penulisan sejarah mesti dinilai semula.
- Arkib kolonial tidak boleh lagi dianggap sumber neutral, ia mesti dibaca secara kritikal.

HKP membuktikan bahawa sejarah Melayu tidak boleh ditentukan oleh arkib kolonial, tetapi melalui sumber-sumber tempatan yang mencerminkan realiti masyarakat sendiri.

Namun HKP dengan jelas mematahkan gambaran orientalis ini. Fasal-fasalnya memperlihatkan kewujudan sistem hukum syariah-adat yang tersusun, pemerintah yang memikul tanggungjawab moral, peraturan ekonomi dan maritim yang teratur, serta budaya etika sosial yang tinggi. Analisis HKP menunjukkan bahawa masyarakat Melayu-Pahang telah pun memiliki struktur tamadun yang matang sebelum campur tangan British.

Dengan itu, HKP memulihkan citra ketamadunan Melayu yang digelapkan oleh wacana kolonial dan mengembalikan realiti bahawa masyarakat Melayu bukan subjek terjajah yang pasif, tetapi pencipta sistem hukum, politik dan ekonomi mereka sendiri.

Dengan itu, HKP mengalihkan kedudukan masyarakat Melayu daripada subjek terjajah yang tiada sejarah kepada pencipta tamadun dengan struktur hukum, politik dan ekonomi sendiri.

Matriks Rumusan Perbincangan Kritis
 Hukum Kanun Pahang (HKP) sebagai Counter-Archive terhadap Arkib Kolonial British

Isu / Naratif Kolonial	Bukti tandingan daripada HKP	Implikasi Dekolonial
1. Melayu tidak mempunyai undang-undang bertulis	HKP mengandungi fasal jenayah, muamalat, keluarga, siyarah, maritim dan pentadbiran yang tersusun dan dikodifikasi.	Memulihkan tradisi legal Melayu; meruntuhkan mitos “British membawa rule of law”; menegaskan kewujudan legal-rational governance Melayu.
2. Sistem governan Melayu tidak teratur dan tidak stabil	HKP memaparkan hierarki raja-bendahara-pembesar, mekanisme tanggungjawab pemimpin, kawalan kuasa dan larangan kezaliman.	Menolak gambaran orientalis tentang “feudal chaos”; membuktikan struktur negara-bangsa Melayu sebelum kolonialisme.
3. Ekonomi Melayu lemah, agraria, dan tiada jaringan perdagangan	HKP menunjukkan sistem cukai, kawal selia perdagangan, undang-undang pelayaran Sungai Pahang, peranan nakhoda dan ekonomi maritim aktif.	Mengembalikan imej Pahang sebagai negeri maritim; membetulkan historiografi ekonomi yang diputarbelitkan kolonial.
4. Masyarakat Melayu malas, tidak beretika dan tidak produktif	HKP menekankan akhlak Islam, amanah, larangan penipuan, tanggungjawab sosial, perlindungan keluarga, dan etika muamalat.	Mencabar stereotaip rasialis kolonial; mengungkapkan etika sosial Melayu-Islam yang matang dan berfungsi.
5. Intelektualisme Melayu tidak signifikan	HKP mengintegrasikan syariah Shāfi’ī, siyarah syar’iyyah, adat Melayu dan kefahaman maritim tempatan.	Mengembalikan epistemologi Melayu sebagai sumber ilmu; membatalkan <i>epistemic injustice</i> yang dilakukan kolonial.
6. Tiada sistem politik rasional; pemerintahan arbitrari	HKP memperincikan undang-undang pentadbiran, kuasa pembesar, peranan kadi, tanggungjawab pemerintah dan rakyat.	Membuktikan negara Melayu diatur oleh undang-undang, bukan kuasa arbitrari; memulihkan struktur politik Melayu-Islam.
7. Undang-undang Melayu dianggap primitif atau tidak lengkap	HKP menunjukkan sistem hukuman, perbicaraan, penyaksian, sumpah, dan kawalan jenayah yang jelas.	Mengiktiraf HKP sebagai teks undang-undang lengkap setanding digest hukum Melayu lain (HKM, UULM).
8. Tiada kearifan tempatan; Melayu bergantung pada kolonial untuk modeniti	HKP memaparkan sistem pengetahuan, worldview Islam-Melayu, prinsip tauhid, maruah dan amanah sebagai asas governan.	HKP menjadi <i>counter-epistemology</i> , menuntut penulisan semula sejarah berdasarkan sumber tempatan.
9. Pahang bukan negeri maritim atau pusat perdagangan penting	HKP menyusun undang-undang pelabuhan, muatan kapal, keselamatan sungai, peranan krew dan hubungan perdagangan.	Menghapus naratif kolonial tentang Pahang sebagai “pedalaman terpinggir”; memaparkan sejarah maritim yang dipadam.

10. Arkib kolonial sebagai satu-satunya sumber sejarah sah	HKP menonjolkan sejarah alternatif yang hilang daripada rekod British—memori hukum, maritim, sosial dan politik.	Menegakkan keperluan pembacaan <i>against the grain</i> dan dekolonisasi arkib; HKP muncul sebagai counter-archive utama.
--	--	---

Kajian ini mengesahkan bahawa Hukum Kanun Pahang (HKP) merupakan sebuah *counter-archive* yang signifikan dalam mengimbangi dan membetulkan naratif kolonial British mengenai sejarah, hukum, dan ketamadunan masyarakat Melayu-Pahang. Melalui analisis yang berteraskan teori kuasa-pengetahuan Foucault, teori arkib kolonial Stoler, orientalisme Said dan epistemic injustice Fricker, jelas bahawa pengabaian HKP dalam arkib kolonial bukan sekadar kecuai intelektual, tetapi strategi epistemic yang disengajakan oleh kolonial untuk mengekalkan hegemoni mereka.

HKP menyingkap satu realiti yang sangat berbeza daripada gambaran kolonial. Teks ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu-Pahang telah memiliki sistem undang-undang bertulis yang lengkap dan tersusun, struktur governan yang berfungsi, ekonomi dan jaringan perdagangan maritim yang aktif, serta etika sosial yang berpaksikan nilai Islam-Melayu. Di samping itu, HKP memperlihatkan bahawa identiti dan epistemologi Melayu telah lama wujud sebagai sistem pengetahuan yang mapan, namun disenyapkan dalam wacana kolonial.

Berdasarkan analisis tersebut, dapat dirumuskan bahawa HKP bukan sekadar dokumen hukum, tetapi sumber sejarah dan ilmu yang menuntut penilaian semula terhadap seluruh naratif kolonial tentang Tanah Melayu. HKP menzahirkan kewujudan negara-bangsa Melayu-Islam yang memiliki institusi politik, sistem keadilan, aturan sosial dan struktur ekonomi yang berfungsi sebelum kedatangan British. Oleh itu, HKP harus diangkat semula sebagai asas pengetahuan yang sah bagi memahami sejarah dan ketamadunan Melayu dari perspektif autentik dan dekolonial.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, berasaskan penemuan bahawa *Hukum Kanun Pahang* (HKP) berfungsi sebagai arkib tandingan yang memulihkan memori hukum, sosial, ekonomi dan epistemologi masyarakat Melayu-Pahang, kajian ini menegaskan keperluan untuk meletakkan HKP sebagai sumber teras dalam usaha dekolonisasi ilmu dan pembinaan wacana tempatan yang berwibawa. *Novelty* utama kajian ini terletak pada penstrukturan HKP bukan sekadar sebagai teks perundangan tradisional, tetapi sebagai sumber epistemic menyeluruh yang mencabar dominasi naratif kolonial dan membuktikan kewujudan sistem legal, politik dan ekonomi Melayu-Islam yang matang sebelum campur tangan British. Implikasinya, historiografi Pahang dan Tanah Melayu wajar ditulis semula dengan memusatkan sumber tempatan seperti HKP, manakala kajian undang-undang Melayu dan syariah perlu mengarusperdanakan teks ini sebagai rujukan utama dalam kurikulum, kajian perbandingan dan pembentukan *Fiqh al-Watan*. Pada masa yang sama, penyelidikan masa hadapan disaran memperluas pendekatan dekolonial melalui *reading against the grain* terhadap sumber kolonial serta penerokaan manuskrip Melayu lain bagi membina rangka *counter-archive* yang lebih luas. Dari sudut praktikal, pemuliharaan, transliterasi kritikal dan pendigitalan HKP perlu dipercepatkan bagi memastikan kebolehcapaian dan pengiktirafan akademiknya, di samping memanfaatkan kandungannya dalam pendidikan identiti, latihan kepimpinan, etika governan Melayu-Islam, pameran muzium dan naratif warisan yang menangkis pemingkai kolonial. Akhirnya, kajian ini mencadangkan agar HKP dijadikan rujukan dalam perumusan dasar negeri Pahang, termasuk dasar budaya, pendidikan dan warisan, serta menyarankan penubuhan sebuah

institusi khusus seperti Institut Kajian Tamadun Pahang bagi menyelaras penyelidikan jangka panjang berasaskan HKP dan warisan intelektual Pahang secara sistematik dan berterusan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Kami merakamkan setinggi tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, pandangan, serta dorongan dalam penyempurnaan kajian ini, khususnya kakitangan Muzium Pahang.

PERNYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Para penulis telah bersama-sama menyumbang kepada peringkat konsepsi, reka bentuk, pengumpulan data, analisis serta penyediaan manuskrip ini.

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Azman Yusof (Metodologi dan Pemilihan data)

Ahmad Farid Abd Jalal (Analisis data dan penulisan akhir)

Ahnaf Wafi Alias (Analisis format dan penulisan draf asal)

Rahimin Affandi Abd Rahim (Pengumpulan data dan penulisan awal)

KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong dapatan kajian ini boleh didapati atas permintaan daripada penulis yang berkaitan

PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan

RUJUKAN

al-Juwaynī, A. M. (1995). *Ghiyāth al-umam*. Dār al-Minhāj

al-Māwardī, A. H. (1996). *Al-ahkām al-sultāniyyah*. Islamic Book Trust.

Andaya, B. W., & Andaya, L. (2017). *A history of Malaysia* (3rd ed.). Palgrave Macmillan.

Andaya, L. (1989). *Leaves of the same tree: Trade and ethnicity in the Straits of Melaka*. University of Hawai'i Press.

Bleich, D. (1978). *Subjective criticism*. Johns Hopkins University Press.

Clifford, H. (1897). *Expeditions in the Malay States*. Hutchinson.

Fairclough, N. (1995). *Critical discourse analysis: The critical study of language*. Longman.

Foucault, M. (1977). *Discipline and punish: The birth of the prison*. Vintage Books.

Foucault, M. (1980). *Power/knowledge: Selected interviews and other writings*. Pantheon.

Fricke, M. (2007). *Epistemic injustice: Power and the ethics of knowing*. Oxford University Press.

Gadamer, H. G. (2004). *Truth and method* (2nd ed.). Continuum.

Given, L. M. (Ed.). (2008). *The SAGE encyclopedia of qualitative research methods*. Sage.

- Gullick, J. M. (1995). *Rulers and residents: Influence and power in the Malay States, 1870–1920*. Oxford University Press.
- Hallaq, W. B. (2009). *An introduction to Islamic law*. Cambridge University Press.
- Harun, M. (2019). *Undang-undang Melayu lama*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hooker, M. B. (1986). *Islamic law in South-East Asia*. Oxford University Press.
- Hooker, M. B. (2008). *A concise legal history of Southeast Asia*. Oxford University Press.
- Ibrahim, A. (1992). *The administration of Islamic law in Malaysia*. Institute of Islamic Understanding Malaysia.
- Kamali, M. H. (2016). *Shariah law: An introduction*. Oneworld Publications.
- Kassim, H. (2017). *Undang-undang Melaka: Teks dan konteks*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw, Y. F. (1976). Undang-undang Melaka: The laws of Melaka. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*.
- Linehan, W. (1936). A history of Pahang. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 14(2), 1–121.
- Maxwell, W. E. (1884). The Malay law of crimes. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*.
- Milner, A. (1995). *The invention of politics in colonial Malaya*. Cambridge University Press.
- Milner, A. (2011). *The Malays*. Wiley-Blackwell.
- Mohamad, M. (2018). *The Malay worldview: History, culture, and religion*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordin Hussin. (2007). *Trade and society in the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang, 1780–1830*. Nordic Institute of Asian Studies Press.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). Sage Publications.
- Radcliffe-Brown, A. R. (1922). *The Andaman Islanders*. Cambridge University Press.
- Reid, A. (1988). *Southeast Asia in the age of commerce, 1450–1680*. Yale University Press.
- Said, E. W. (1978). *Orientalism*. Pantheon Books.
- Said, E. W. (1994). *Culture and imperialism*. Vintage Books.
- Skeat, W. W. (1900). *Malay magic*. Macmillan.
- Stoler, A. L. (2002). *Carnal knowledge and imperial power: Race and the intimate in colonial rule*. University of California Press.
- Stoler, A. L. (2009). *Along the archival grain: Epistemic anxieties and colonial common sense*. Princeton University Press.
- Stoler, A. L. (2010). Along the archival grain and after. In *Political concepts* (pp. 45–62). Fordham University Press.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1977). *The destiny of man*. ISTAC.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1990). *Islam and secularism*. ABIM.
- Trouillot, M.-R. (1995). *Silencing the past: Power and the production of history*. Beacon Press.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2005). *Filsafat dan praksis pendidikan Islam*. ISTAC.
- Wilkinson, R. J. (1908). *Papers on Malay subjects*. Government of the Federated Malay States.